

ANALISIS KEPUTUSAN MUZAKARAH MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA (MKI) BERKAITAN COVID-19 DI MALAYSIA

Azri Bhari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA,
Shah Alam, Selangor, Malaysia

Mohd Hapiz Mahaiyadin

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA,
Shah Alam, Selangor, Malaysia

Corresponding Author’s Email: azrib178@uitm.edu.my

Article history:

Received : 23 August 2021

Accepted : 18 November 2021

Published : 28 December 2021

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia termasuk Malaysia telah memberi kesan kepada pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi masyarakat. Dalam konteks amalan dan aktiviti agama juga perlu kepada penjelasan hukum dan fatwa untuk merungkai permasalahan. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis fatwa-fatwa berkaitan COVID-19 yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Kajian berbentuk kualitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan metode pengumpulan data dan analisis data. Metode pengumpulan data dilakukan melalui penyelidikan perpustakaan. Data yang diperoleh dianalisis berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif untuk mendapatkan hasil. Hasil kajian ini mendapati Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah bersidang sebanyak empat kali sepanjang pandemik COVID-19. Fatwa-fatwa yang telah diputuskan dilihat mengalami perubahan terhadap pelaksanaan amalan-amalan ibadah masyarakat Islam. Perubahan fatwa-fatwa tersebut adalah dilihat perlu bagi mencapai maqasid syariah iaitu mendatangkan maslahah dan menolak mafsaadah.

Kata Kunci: COVID-19, Fiqh, Hukum, Malaysia, Perubahan, Pandemik

ANALYSIS OF THE RESULTS MUZAKARAH OF THE NATIONAL COUNCIL FOR ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS MALAYSIA (MKI) RELATED TO COVID-19 IN MALAYSIA

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic that hit the world, including Malaysia, has affected various social and economic activities of the community. In the context of religious practices and activities, there is also a need for clarification of laws and fatwas to resolve problems. This article aims to analyze the fatwas related to COVID-19 that have been decided by the Muzakarah Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs Malaysia (MKI). This qualitative study was conducted using data collection and data analysis methods. The method of data collection was done through library research. The data obtained were analyzed based on inductive, deductive and comparative methods to obtain results. The results of this study found that the Muzakarah Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs Malaysia (MKI) has met four times during the COVID-19 pandemic. The fatwas that have been decided are seen to have undergone changes in the implementation of the worship practices of the Muslim community. The change of the fatwas is seen as necessary to achieve the maqasid syariah, which is to bring maslahah and reject mafsadah.

Keywords: COVID-19, Fiqh, Hukum, Malaysia, Perubahan, Pandemik

PENDAHULUAN

Penularan wabak virus COVID-19 telah mula menjelaskan dunia sejak akhir tahun 2019 (Chaolin Huang et.al., 2020). Berdasarkan laporan di seluruh negara, ramai yang telah dijangkiti COVID-19 dan ribuan nyawa telah terkorban. Malaysia juga adalah salah sebuah negara yang turut dijangkiti dengan kes yang pertama dikesan positif COVID-19 pada tarikh 3 Februari 2020 (The Star, 2020). Kes ini berlanjutan sehingga 22 kes positif COVID-19 untuk tempoh sehingga 22 Februari 2020 seperti yang telah dilaporkan. Kesemua kes positif COVID-19 pada gelombang pertama ini (iaitu kes pertama sehingga kes ke-22) telah disahkan sihat dan diberikan pelepasan (discharge).

Setelah 11 hari tiada kes baharu dilaporkan, gelombang kedua COVID-19 menyerang kembali pada 27 Februari 2020. Bagi gelombang kedua sehingga 4 Mac 2020, terdapat sebanyak 28 kes positif COVID-19 (iaitu kes ke-23 sehingga kes ke-50) yang telah dilaporkan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan sebanyak 14 lagi individu positif COVID-19 pada 4 Mac 2020 dalam masa sehari.

Gelombang kedua ini berpunca daripada pesakit kes ke-26 dan kesemua 14 kes yang positif mempunyai kontak rapat dengannya. Jumlah terkini kes positif COVID-19 di Malaysia sehingga 1 Januari 2021 adalah sebanyak 115,078 kes dengan kebarangkalian pertambahan kes baharu pada jajaran sederhana.

Jadual 1: Ringkasan statistik kes COVID-19 di Malaysia sehingga 1 Januari 2021

Perkara	Jumlah
Jumlah Kes Keseluruhan	115,078
Kadar Sembuh	79.2% daripada jumlah keseluruhan kes
Kadar Kematian	0.4 % daripada jumlah keseluruhan kes
Kes yang masih dirawat	23,433 kes
Kes Sembuh	91,171 kes
Kematian terbaharu	474 kematian

Sumber: CPRC Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (1/01/2021)

Lantaran itu, kerajaan Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menyediakan langkah-langkah untuk mengawal penularan virus melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pengumuman ini disusuli dengan beberapa panduan umum, seperti pembatalan ataupun penundaan sebarang acara yang berskala besar.

Jadual 2: Fasa Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Fasa	Tarikh
PKP	18/03/2020 - 03/05/2020
PKPB	04/05/2020 - 09/06/2020
PKPP	10/06/2020 - 13/10/2020
PKPB	14/10/2020 - 12/01/2021
PKP 2.0	13/01/2021 - 04/03/2021
PKPB 2.0	05/03/2021 - 06/05/2021
PKP 3.0	07/05/2021 - 31/05/2021
PKP (FMCO)	01/06/2021 - 28/06/2021

Sumber: Kenyataan Media Pejabat Perdana Menteri

Pandemik COVID-19 ini telah memberi kesan secara tidak langsung kepada amalan-amalan ibadah sehingga mengalami perubahan dari sudut hukum asal kebiasaannya. Justeru, situasi ini memerlukan kepada fatwa-fatwa semasa berhubung isu COVID-19 supaya memberi panduan kepada masyarakat Islam di Malaysia.

Oleh kerana isu COVID-19 ini bersifat nasional, penjelasan tentang beberapa hukum melibatkan aktiviti sehari-hari masyarakat hendaklah dibincang dan diselaras secara kolektif dalam Jawatankuasa Muzakarah MKI dengan tidak melangkaui bidang kuasa negeri yang mengeluarkan fatwa.

MUZAKARAH KHAS MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA BERHUBUNG PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

Sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini, Mesyuarat Khas Muzakarah MKI ini telah diadakan sebanyak beberapa kali bermula Mac 2020 dan sebanyak 5 garis panduan telah dikeluarkan bagi memandu kehidupan masyarakat Islam di Malaysia.

Jadual 3: Jadual Resolusi Mesyuarat Khas Muzakarah MKI

Bil	Tarikh	Resolusi
1.	Muzakarah Khas kali pertama (15 Mac 2020)	Muzakarah telah mengeluarkan satu resolusi yang melibatkan dua (2) perkara iaitu: Semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah, solat jumaat ditangguhkan bermula 17 – 26 Mac 2020; dan Sekiranya berlaku kematian akibat COVID-19, jenazah hendaklah diuruskan melalui prosedur tayammum hanya di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah sahaja.
2.	Muzakarah Khas kali ke-2 (9 dan 21 April 2020)	Muzakarah mengeluarkan resolusi, beberapa panduan dalam tempoh PKP telah diputuskan iaitu:- Kaedah Melihat Anak Bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah; Kaedah Pembayaran Zakat Fitrah; dan Kaedah Pelaksanaan Ibadah pada Bulan Ramadan dan Solat Jumaat.
3.	Muzakarah Khas kali ke-3	Muzakarah telah memutuskan beberapa perkara seperti berikut: Panduan Hukum Berkaitan Ujian Saringan dan Prosedur Rawatan Pesakit COVID-19 pada bulan Ramadan; Kedudukan Saf Solat Jemaah ketika PKP; Garis Panduan Sambutan Hari Raya Ketika PKP; Garis Panduan Perkahwinan Orang Islam dalam Tempoh PKP dan Pasca PKP; dan Panduan Kaedah Pelaksanaan Ibadah dalam Bulan Ramadan sepanjang tempoh PKP.
4.	Muzakarah Khas kali ke-4 dan ke-5 (pada bulan April dan Mei)	Muzakarah telah membincangkan bahawa masjid dan surau terpilih seluruh negeri di Malaysia telah dibuka kembali dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi menuaikan solat Jumaat secara

	2020)	berperingkat dengan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
5.	Muzakarah Khas kali ke-6 (9 Jun 2020)	Muzakarah telah meneliti beberapa isu termasuk pelaksanaan Ibadah Haji pada tahun 1441H/ 2020M. Beberapa garis panduan juga turut diperhalusi antaranya aktiviti di masjid dan surau serta pelaksanaan ibadah Korban dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) dengan mengambil kira nasihat dan pandangan dari KKM dan MKN. Hal ini bagi meredakan keresahan setiap rakyat Malaysia dalam menjalani kembali rutin ibadah mengimarahkan masjid dan surau selepas pengumuman PKPP telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020 seterusnya persediaan menyambut Hari Raya Aidiladha.
6.	Muzakarah Khas kali ke-10 (3 Disember 2020)	Muzakarah telah memutuskan bahawa hukum penggunaan vaksin COVID-19 dalam kalangan masyarakat Islam adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia.
7.	Muzakarah Khas kali ke-11 24 Disember 2020	Muzakarah telah dimaklumkan serta mendapat penjelasan berkenaan isu Pandemik vs Plandemik dan isu-isu berkenaan Vaksin COVID-19. Muzakarah memutuskan bahawa hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus serta mewajibkan pengambilannya kepada golongan ditetapkan seperti warga emas serta petugas barisan hadapan, perlu diterima kerana ia selari kaedah pencegahan dianjurkan Islam.

Sumber: Laman Sesawang JAKIM

Berdasarkan jadual di atas, Mesyuarat Khas Muzakarah MKI telah membincangkan pelbagai isu dan permasalahan hukum berkaitan masyarakat Islam dalam menghadapi pandemik COVID-19 di Malaysia. Perbincangan hukum meliputi pelbagai aspek kehidupan harian berkaitan pelaksanaan ibadah solat di surau dan masjid, kaedah pengurusan jenazah pesakit COVID-19, penangguhan ibadah haji, hukum vaksin COVID-19, hukum swab test, kaedah penunaian zakat fitrah, pelaksanaan akad nikah dan sebagainya.

Muzakarah tersebut telah melibatkan pelbagai tokoh yang berkeahlian seperti para mufti, pakar perubatan, para pemimpin, para akademia dan sebagainya bagi membahaskan isu dan permasalahan hukum secara detil bagi mengeluarkan resolusi yang terbaik.

Ahli Mesyuarat Khas Muzakarah MKI turut mengkaji dan merujuk pandangan-pandangan ulama pelbagai mazhab dalam mencari resolusi terbaik.

Selain itu, ahli mesyuarat juga turut melihat fatwa-fatwa ulama kontemporari di peringkat dunia bagi memastikan keputusan dan resolusi yang dikeluarkan bersetujuan dalam konteks pandemik COVID-19 dan situasi semasa.

ANALISIS TERHADAP KEPUTUSAN MUZAKARAH KHAS MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA BERHUBUNG PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

Pandemik COVID-19 telah memberikan kesan kepada seluruh rakyat Malaysia dan tidak terkecuali kepada umat Islam serta beberapa aktiviti keagamaan terutamanya yang melibatkan perkumpulan manusia yang memudahkan penularan wabak. Antara aktiviti keagamaan yang terkesan akibat perintah kawalan ini ialah solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat yang merupakan aktiviti wajib yang dilakukan oleh inividu lelaki muslim pada setiap minggu.

Setelah melihat keputusan-keputusan Muzakarah Khas MKI berhubung pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia dapat dilihat bahawa keputusan tersebut adalah dibuat atas beberapa pertimbangan yang menjadi asas utama dalam keputusan hukum.

i. Kemudaratan wabak COVID-19 perlu dicegah dan dihapuskan

Disebabkan ancaman yang amat berbahaya ini, seorang sahaja yang membawa virus COVID-19, ia boleh menjangkiti ramai orang yang berada di kawasan tersebut, maka para pemerintah dan penguasa agama dari kalangan para mufti dan sebagainya memutuskan mengambil langkah mencegah dan menghapuskan kemudaratan berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan janganlah kamu menjatuhkan diri kamu sendiri dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.

(Surah al-Baqarah: 195)

Nabi SAW juga mlarang hal yang sama dengan sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Abu Sa‘id Al Khudri:

Tidak boleh terdapat mudarat dan tidak boleh memudaratkan.

(Hadis. Malik. Bab Ma La Yajuz Min ‘Itqi Al-Mukatab. 2860)

Seterusnya, terdapat nas atau dalil yang menunjukkan supaya menjauhi tempat berlaku wabak dan menjauhi orang yang terkena penyakit berjangkit. Dalil tersebut juga menunjukkan untuk tidak melakukan pergerakan bagi mengelakkan penularan penyakit berjangkit.

Sekiranya kamu mendengar tentang wabak taun di sesuatu tempat, janganlah kamu memasuki tempat tersebut, dan jika wabak

tersebut berada di tempat kamu janganlah kamu keluar lari daripadanya.

(Hadis. Al-Bukhari, Kitab Ahadis Al-Anbiya’, Bab Hadis Al-Gharr. 3473)

Selain itu, terdapat sabda Nabi SAW:

Dan larilah daripada penyakit kusta (penyakit berjangkit) sebagai mana kamu lari daripada singa.

(Hadis. Ahmad. Musnad Al-Mukaththirin Min Al-Sahabah,
Musnad Abu Hurayrah. 9722)

Kaedah fiqh yang terpakai dalam konteks ini, adalah seperti berikut:

Menolak kemudaratan adalah lebih diutamakan daripada mendapatkan maslahah.

(Al-Sayuti, 2015)

Kaedah fiqh seterusnya ialah:

Kemudaratan tu mestilah dihilangkan.

(Al-Sayuti, 2015)

Justeru itu, seseorang tidak boleh menjadi sebab kepada kemudaratan orang lain, sama ada kepada agamanya, keselamatan tubuh badannya, akalnya, harta bendanya dan apa juar sekali pun. Tidak kira sama ada kemudaratan itu berbentuk fizikal atau bukan fizikal. Para ulama telah bersepakat bahawa orang yang menyebabkan kemudaratan kepada diri orang lain adalah berdosa. Ini termasuklah jika solat fardhu lima waktu dan solat Jumaat diadakan maka secara ghalabah al-zann (sangkaan yang dekat kepada pasti) akan berlakulah penyebaran wabak tersebut kepada orang lain.

Dalam situasi pandemik wabak COVID-19, penutupan masjid dan penangguhan solat Jumaat serta solat berjemaah adalah menepati tuntutan nas syarak, iaitu mengelakkan penularan penyakit melalui pergerakan dan pertemuan.

Penutupan dan penangguhan solat di masjid adalah juga berasaskan kepada *sad al-dhari’ah*. *Sadd al-dhari’ah* menurut para ulama usul iaitu mencegah sesuatu yang membawa kepada sesuatu yang dilarang serta dipenuhi dengan kerosakan dan kemudaratan. Ini juga adalah selari dengan kaedah berikut:

Wasilah itu dihukumkan sebagaimana hukum matlamat yang hendak dicapai.

(Al-Jawziyyah, 1423H)

Setiap sebab yang membawa kepada mafsadah adalah dilarang jika tidak terdapat sebarang maslahah yang rajih.

(‘Abd Al-Rahman, 2004)

ii. Kemudahan pelaksanaan ibadah dalam situasi kesukaran ketika penularan COVID-19

Allah SWT memberikan banyak keringanan dan kelonggaran terhadap hamba-Nya dalam banyak keadaan yang sempit, seumpama keizinan untuk meninggalkan beberapa ibadat yang wajib dilakukan dan juga pemberian rukhsah (keringanan) untuk tidak melaksanakan jenis ibadah mengikut keadaan yang asal disebabkan oleh perkara-perkara yang diperakui oleh Syarak. Sehinggalah Allah SWT memberikan rukhsah kepada sahabat yang disiksa dan dipaksa untuk menuturkan kalimah kufur sedangkan hatinya sangat tidak ingin berbuat demikian. Allah SWT berfirman:

Kecuali seseorang yang dipaksa (kalimah kufur), dibenarkan berbuat demikian sedangkan hatinya tetap dalam keimanan.

(Al-Quran. Al-Nahl: 106)

iii. Ketaatan rakyat terhadap keputusan pemerintah dalam melaksanakan kemaslahatan

Terdapat banyak hadis yang mewajibkan ketaatan kepada arahan pemerintah dan juga saranan mereka demi kebaikan semua pihak. Setiap keputusan yang dibuat oleh para pemerintah dengan nasihat daripada para pakar dalam setiap bidang dan juga ulama telah mengambil kira semua aspek maslahah berdasarkan kaedah:

Arahan pemerintah yang memberi kesan kepada masyarakat hendaklah berdasarkan kepentingan maslahah.

(Al-Sayuti, 2015)

Menurut al-Sarakhsiy (1971), sekiranya pemerintah telah memerintahkan sesuatu perkara yang tidak jelas sama ada memberikan manfaat ataupun tidak, maka setiap rakyat hendaklah mentaatinya kerana kewajipan dalam mentaati pemimpin itu telah jelas daripada nas-nas yang ada. Manakala sangkaan sama ada ia memberi manfaat ataupun tidak itu masih dalam kesangsian, tidak boleh melawan nas yang telah tetap tadi. Maka, perintah daripada pemerintah itu menjadi satu perkara yang wajib dipatuhi dan melanggarinya adalah haram dan berdosa.

Justeru itu, menurut perspektif syariah, apabila sesuatu kuasa pemerintahan telah mengeluarkan keputusan, maka tidak wajar seseorang melanggar keputusan ini. Ini sebagai cara untuk menolak segala bentuk keburukan dan kebinasaan yang akan berlaku akibat daripada pelanggaran ini.

Langkah bagi mengekang penularan wabak ini daripada tersebar dan menjangkiti semua orang tanpa dapat dikawal ialah dengan menghalang semua rakyat daripada keluar dan bertemu dengan orang lain. Jika seseorang itu keluar dan penularan menjadi berleluasa, maka orang itu menjadi sebab yang menyebabkan orang lain menderita dan sakit, perbuatan itu adalah berdosa kerana dengan perbuatannya itu dia telah menyakiti orang lain.

iv. Pertimbangan terhadap kemaslahatan dan kemudaratan

Ketetapan hukum dalam syariah Islam terbina dengan pencapaian maqasid syariah yang tinggi iaitu mendatangkan kemaslahatan dan menghilangkan segala kemudaratan. Oleh itu, masyarakat Islam mestilah memperakui bahawa ada ketikanya terdapat keperluan mengeluarkan hukum dengan melihat kepada keperluan untuk mengutamakan maslahah ‘ammah (kemaslahatan umum) dan menjadikannya sebagai asas kepada penentuan hukum tersebut. Maka sesuatu hukum yang sedia ada itu akan mengalami perubahan dengan ketetapan tersebut.

Menurut ‘Izz al-Din ‘Abd Al-Salam (1991) dalam membahaskan tentang maslahah ‘ammah ini, beliau menyatakan bahawa ketika wujudnya keperluan untuk melihat kemaslahatan umum, terdapat ruang bagi berubahnya sesuatu hukum yang telah pun ada ketetapan sebelumnya. Hukum ini berlaku ketika manusia berhadapan dengan keadaan darurat dalam hidup mereka, maka Syariah memberikan jalan kemudahan sesuai dengan suasana yang dihadapi oleh mereka.

Justeru itu, terhasilah objektif Syariah sebagaimana dijelaskan oleh Ibn ‘Ashur:

“Maqasid syariah (objektif) daripada pensyariatan hukum ialah untuk menjaga sistem alam ini dan memberikan garis panduan terhadap perhubungan dan tingkah laku sesama manusia dalam alam tersebut untuk memelihara kesemuanya daripada kerosakan dan kebinasaan. Ini terhasil dengan mendatangkan maslahah (kebaikan) dan menjauhi segala mafsadah (kerosakan) menurut apa yang boleh dierangkan syarak sebagai maslahah dan mafsadah tersebut”.

(Ibnu ‘Ashur, 2001)

Kaedah fiqh dalam konteks ini adalah:

Menolak kemudaratan itu lebih diutamakan daripada mendatangkan kemaslahatan.

(Al-Mardawi, 2000)

Menurut al-Mardawi (2000), kaedah ini bermaksud sekiranya berlaku pertembungan antara menolak keburukan dan mendatangkan kemaslahatan, maka menolak keburukan itu akan lebih diutamakan. Sekiranya ada pula pertembungan antara dua keburukan, yang mana salah satu membawa kerosakan yang lebih besar daripada yang lain, maka menolak kemudaratan yang lebih besar lebih diutamakan. Kaedah ini adalah konsep dipersetujui dengan pemikiran yang rasional dan disepakati oleh para ulama.

v. Pencapaian maqasid syariah

Para sarjana dalam bidang maqasid dan usul telah bersepakat bahawa Allah SWT telah menjadikan antara objektif syariah yang besar mengikut susunan ialah

untuk menjaga agama dan seterusnya menjaga nyawa. Keutamaan menjaga agama perlu didahulukan diikuti dengan menjaga nyawa.

Namun, timbul persoalan dengan pembatalan ibadah seperti solat Jumaat, solat fardhu berjemaah, penutupan masjid dan surau ini merupakan percanggahan terhadap kedudukan penjagaan agama yang berada pada kedudukan teratas dalam penjagaan syariat.

Berkaitan situasi ini, penjagaan syariat terhadap kedua-dua perkara ini iaitu agama dan nyawa sepatutnya berlaku secara serentak tanpa berlaku pertembungan antara keduanya, bahkan saling melengkap. Para ahli usul ketika meletakkan susunan ini dalam susunan daruriyyat, mereka tidak melihat kepada yang mana yang dahulu dalam kewujudannya, tapi melihat kepada susunan kemuliaan dan kemampuan untuk membuat keputusan sekiranya berlaku pertembungan kepentingannya (Muhammad Najib, 2018).

Sebagaimana manusia diwajibkan menjaga agama mereka, maka begitu jugalah kita diwajibkan untuk menjaga nyawa dan keselamatan diri seterusnya aspek-aspek daruriyyat yang lain. Jika terdapat pertembungan antara daruriyyat ini dan tidak boleh digabungkan antara satu sama lain, contohnya berlaku pertembungan antara penjagaan daruriyyat agama (solat Jumaat) dan juga nyawa (ancaman penyakit), maka ketika ini Allah SWT memberikan kelembutan dan kasih sayang terhadap hamba-hambanya, dan Allah SWT amat mengetahui kelemahan hamba-hamba-Nya ini. Keadaan ini dinamakan sebagai menjaga nyawa bagi menjaga agama.

Sekiranya dilihat dari aspek maqasid syariah, menurut ‘Ali Jum‘ah (t.th) menyatakan mendahulukan penjagaan nyawa adalah lebih diutamakan daripada menjaga ritual ibadah semata-mata. Ini dapat dilihat dalam kaedah fiqh berikut:

Jika bertentangan antara hak Allah dan hamba didahulukan hak seorang hamba.

(Ibnu Nujaym, 1983)

Seterusnya al-Shatibi menyatakan:

Jika bersamaan dalam sesebuah perkara dua hak, hak seorang hamba yang didahulukan

(Al-Shatibi, 2010)

Ini adalah kerana hamba itu berada dalam keadaan kelemahan dan mengharap sedangkan Allah SWT Maha Kaya dan tidak mengharap kepada sesiapa (al-Thawalah, 1430H).

Demikian juga dalam suasana penularan wabak ini, hak Allah SWT adalah hambanya mentaati-Nya dengan melaksanakan tuntutan solat Jumaat yang telah difardukan, manakala hak hamba adalah dia dihindarkan daripada bahaya dan ancaman. Ketika kedua hak ini berhimpun, maka keutamaan akan berada dalam menunaikan hak hamba berbanding hak Allah SWT. Malahan jika menjaga kemaslahatan harta yang ditakuti dicuri boleh menjadi keuzuran dalam

meninggalkan solat Jumaat, apatah lagi menjaga kemaslahatan nyawa yang diancam oleh virus yang tidak kelihatan ini

KESIMPULAN

Demikianlah beberapa pertimbangan yang menjadi asas kepada Mesyuarat Muzakarah Khas MKI dalam menentukan hukum dan keputusan resolusi bagi memberi solusi terhadap permasalahan masyarakat Islam di Malaysia.

Berdasarkan keadaan penularan wabak secara berleluasa, langkah bagi mengekang wabak ini menular dan menjangkiti semua orang tanpa dapat dikawal lagi ialah dengan menghalang semua rakyat daripada keluar dan bertemu dengan orang lain. Jika seseorang itu keluar dan penularan menjadi berleluasa, maka perbuatan tersebut adalah berdosa kerana ia menjadi sebab yang menyebabkan orang lain menderita dan sakit.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahman M. (2004). *Majmu’ah Fatawa Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah*. Madinah: Mujamma’ al-Malik Fahd.
- ‘Ali Jum’ah. t.th. *Tartib Al-Maqasid Al-Shari‘iyah*. t.tp: t.pt.
- Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. 1423H. *I’lam al-Muwaqqi’in ‘An Rabb al-‘Alamin*. Al-Dammam: Dar Ibn Jawzi.
- Al-Mardawi, ‘Ali bin Sulayman. (2000). *Al-Tahbir Sharh Al-Tahrir*. Riyad: Maktabah Al-Rushd.
- Al-Sarakhsiyah, Muhammad bin Ahmad. 1971. *Sharh Al-Siyar Al-Kabir*. t.tp: Sharikah Al-Sharqiyyah.
- Al-Sayuti, ‘Abd Al-Rahman bin Abi Bakar. 2015. *Al-Ashbah wa Al-Naza’ir*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.
- Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa. 2010. *Al-Muwafaqat*. Kaherah: Dar Al-Fadilah.
- Al-Thawalah, Sultan bin Hudhayfah. 1430H. *Al-Tatbiqat Al-Fiqhiyyah li Qa‘idah Idha Ijtama‘a Haqq Allah wa Haqq Al-‘Ibad Quddima Haqq Al-‘Ibad fi Ghayri Al-‘Ibadat*. Saudi: Matba‘ah Jami‘ah Muhammad bin Sa‘ud.
- Chaolin Huang et. al. 2020. *Clinical Features Of Patients Infected With 2019 Novel Coronavirus In Wuhan, China*. In The Lancet Journal, vol. 395.
- Ibnu ‘Ashur, Muhammad Al-Tahir. 2001. *Maqasid Al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Tahqiq: Muhammad Al-Tahir Al-Misawi. Ed.2. Amman: Dar al-Nafa’is.
- Ibnu Nujaym, Zayn Al-Din bin Ibrahim. 1983. *Al-Ashbah wa Al-Naza’ir*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- ‘Izz al-Din bin ‘Abd al-Salam. 1991. *Qawa‘id al-Ahkam Fi Masalih al-Anam*. Cairo: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah.
- Malik bin Anas. 1998. *Al-Muwatta’*. Beirut: Mu’assasah Al-Risalah.
- Muhamad Najib Abdullah. 2018. *Qararat al-Majlis al-Istishari Al-Shari‘i al-Watani Li al-Bank al-Malizi al-Markazi Fi al-Mu‘amat al-Maliyyah al-Islamiyyah*. Dirasah Taqwimiyyah Fi Daw’i Maqasid al-Shari‘ah. Ph.D Thesis. Kuala Lumpur: IIUM.

- Najib Abdullah. M. 2018. Qararat Al-Majlis Al-Istishari Al-Shar'i Al-Watani Li Al-Bank Al-Malizi Al-Markazi Fi Al-Mu'amalat Al-Maliyyah Allislamiyyah: Dirasah Taqwimiyyah Fi Daw'i Maqasid Al-Shari'ah. Ph.D Thesis. Kuala Lumpur: IIUM.
- The Star. 2020. *First Malaysian COVID-19 Patient Discharge*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/02/17/first-malaysian-COVID-19-patient-discharged> (diakses pada 15 April 2020).